

Cabaran #TrashTag kurang popular

BARU-BARU ini dua remaja lelaki berusia 17 tahun ditahan polis selepas didapati menceroboh dan bermalam di dalam sebuah gedung perabot terkemuka dari Sweden yang baru dibuka di Batu Kawan, Pulau Pinang.

Pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) itu telah menyorok di dalam almari pameran ketika gedung terbabit mahu ditutup kira-kira pukul 10 malam.

Mereka kemudian keluar daripada ‘persembunyian’ itu untuk berada di ruang pameran perabot di luar waktu gedung itu beroperasi.

Tidak lama kemudian, mereka ditahan oleh pengawal keselamatan kira-kira pukul 6.40 pagi keesokan harinya sebelum diserahkan kepada pihak polis.

Hasil siasatan polis mendapati remaja terbabit berkelakuan sedemikian semata-mata bagi menyahut cabaran bermalam di gedung terbabit seperti yang pernah dilakukan beberapa individu di seluruh dunia untuk menjadi popular di media sosial.

Dua sahabat berkenaan merakam aksi mereka berlegar-legar di kawasan pameran itu menggunakan telefon pintar bagi membuktikan keberanian kepada rakan dan pengikut di media sosial apabila berjaya melepassi pihak keselamatan.

Selain aksi itu, cabaran tanda pagar seperti #KikiChallenge turut menjadi ikutan anak-anak muda dan golongan selebriti tanah air sebelum ini biarpun dikritik kerana dianggap berbahaya.

#KikiChallenge ialah perbuatan merakam aksi tarian diiringi lagu popular penyanyi terkenal, Drake berjudul *My Feelings* sambil berjalan kaki di sebelah tempat duduk penumpang hadapan kereta yang sedang bergerak.

Selain itu, #IceBucketChallenge atau cabaran baldi ais iaitu menyimbah badan dengan sebaloi air dipenuhi ais pernah mendapat sambutan hangat selain #RamenChallenge atau cabaran menghabiskan mi pedas yang turut menjadi kegiatan.

Cabaran-cabaran itu bagaimanapun dilihat kurang memberi manfaat selain hanya membuka peluang untuk mengumpul lebih ramai pengikut di media sosial semata-mata.

Namun, dunia alam maya turut



Di Sebalik Isu Panas

Bersama SYALMIZI HAMID

tampil dengan cabaran yang berunsur positif termasuklah cabaran #TrashTag atau #TrashChallenge dengan cara memuat naik gambar sebelum dan selepas aktiviti membersihkan sesuatu kawasan yang dipenuhi sampah sarap.

Bagaimanapun, tinjauan di media sosial mendapati cabaran itu yang dikatakan telah dimulakan sejak 2015 itu seolah-olah kurang mendapat perhatian daripada netizen Malaysia khususnya.

Aktiviti mengutip sampah juga sebenarnya boleh membuatkan seseorang pengguna media sosial itu popular seperti mana melakukan cabaran lain, bahkan ia juga lebih memberi kebaikan

Sehingga kini lebih 65,400 hantaran pengguna Instagram didapati menggunakan tanda pagar #TrashTag dengan kebanyakannya adalah dari negara barat.

Pemilik akaun Instagram @naelsahlan adalah antara salah seorang rakyat Malaysia yang menyahut cabaran itu dengan mengutip sampah di Pantai Redang, Sekinchan, Selangor baru-baru ini.

@naelsahlan atau nama sebenarnya Muhamad Ismail Sahlan, 41, berkata, dia melakukan cabaran #TrashTag bersama seorang rakan dan memuat naik gambar swafoto Instagram dan Facebook sebagai salah satu usaha untuk membuka mata masyarakat.

“Pantai itu memang ramai pen-

gunjung terutamanya pada waktu petang, tapi sayangnya sampah banyak terdampar di situ.

“Kami ambil masa dua jam untuk mengutip sampah yang kebanyakannya ialah beg plastik, lampin bayi, botol plastik dan penyedut minuman,” kata pegawai bank itu ketika dihubungi.

Rakan Muhamad Ismail yang memuat naik gambar cabaran tersebut di laman Twitter @Hammy818 setakat ini telah mendapat kira-kira 135,000 like (suka) dan 58,200 retweet (ulang kicau) daripada pengguna laman sosial itu di seluruh dunia.

Aktres Maya Karin turut dilihat memainkan peranan bagi menggalakkan orang ramai menjaga kelestarian dan kebersihan alam sekitar apabila kerap memuat naik aktiviti membersihkan sampah sarap dengan tanda pagar #GotongRoyong.

Sementara itu, pakar falsafah dan Pengajian Ketamadunan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Zaid Ahmad berkata, cabaran #TrashChallenge sepertinya dijadikan budaya oleh pengguna media sosial memandangkan menjaga kebersihan alam sekitar turut dituntut dalam agama.

“Aktiviti mengutip sampah juga sebenarnya boleh membuatkan seorang pengguna media sosial itu popular seperti mana melakukan cabaran lain, bahkan ia juga lebih memberi kebaikan.

“Pengguna media sosial terutamanya anak muda gemar melakukan sesuatu yang menyeronokkan, justeru Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) misalnya boleh melakukan inisiatif dengan mengadakan pertandingan bagi memberi galakan kepada mereka yang menyahut cabaran itu,” katanya ketika dihubungi.

KOSMORAMA

Oleh MARO



LHDN KEJAR MENTERI YANG GAGAL BAYAR CUKAI PENDATAN - PM